

Ekonomi Malaysia Menuju Zon Selamat, Kata Idris Jala

Bernama

Jun 23, 2014

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Ekonomi Malaysia berkembang baik dengan nisbah perkhidmatan hutang semasa terus menyederhana dan mampan pada 10.7 peratus, dan kini menuju ke zon selamat, kata Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Idris Jala.

Beliau menjawab artikel oleh William Pesek bertajuk 'Is Malaysia Asia's Weakest Link' dalam Bloomberg View, bahagian editorial Bloomberg pada 5 Jun, dengan kolumnis mempersoalkan sama ada ekonomi Malaysia akan tumbang selepas Oxford Economics meletakkan Malaysia sebagai negara paling berisiko dalam kajiannya.

"Sejak empat tahun lepas, berdasarkan hutang awam dalam peratusan kepada KDNK kekal di bawah siling hutang sebanyak 55 peratus, dan memenuhi sasaran pengurangan defisit fiskal, pada 2013 Malaysia membuat langkah pertamanya ke m Zon selamat," katanya.

Idris berkata Kumpulan Perunding Boston membangunkan matriks untuk menentukan fiskal 'Zon Selamat' bagi negara-negara, dengan satu paksi memaparkan hutang awam sebagai peratusan daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan satu lagi memaparkan lebihan fiskal atau defisit sebagai peratusan KDNK.

Zon selamat dicapai jika peratusan daripada KDNK menunjukkan hutang awam kurang daripada 75 peratus dan defisit pada empat peratus atau kurang, dengan zon bahaya dicapai apabila hutang awam menyamai atau melebihi KDNK dan defisit sebanyak lapan peratus dan ke atas.

Banyak negara yang mempunyai profil hutang lebih tinggi berdasarkan peratusan KDNK seperti Singapura (115.1 peratus), Jepun (195,8 peratus), UK (102.6 peratus) dan Amerika Syarikat (93.8 peratus), kata Idris berkata yang menegaskan bahawa apa yang penting ialah sama ada negara mampu membayar pinjaman mereka.

Idris berkata Malaysia berada pada kedudukan yang betul dalam memenuhi sasaran 3.5 peratus tahun ini selepas melepasi sasaran 4.0 peratus untuk mencapai defisit 3.9 peratus pada 2013.

"Dalam tempoh empat tahun lepas kita telah mengurangkan secara sistematik defisit - sebanyak 5.6 peratus pada 2010, diikuti 4.8 peratus pada 2011 dan 4.5 peratus pada 2012," katanya.

Defisit fiskal Malaysia mencatatkan kadar 6.6 peratus pada 2009 dan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mahu negara mencapai bajet seimbang menjelang 2020.

Idris berkata kerajaan akan memperluas asas cukai dan mempelbagaikan pendapatan dengan mengumumkan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) pada enam peratus dari April 2015.

"Bayangkan kesan positif CBP ke atas kedudukan fiskal, apabila kita meningkatkan kadar penanda aras antarabangsa.

"Pada RM40 bilion setahun, bil subsidi Malaysia sahaja sudah tidak dapat dipertahankan," kata Idris.

Kerajaan telah menyusun semula subsidi bahan api dan gula serta menyusun pembaharuan perlu untuk sistem subsidi bersasar bagi memanfaatkan mereka yang berhak menerusi jaringan keselamatan sosial, katanya.

"Sudah pasti lebih banyak perlu dilakukan. Kami tidak lari daripada membuat keputusan dasar yang sukar, kami akan berusaha dengan gigih.

"Kerajaan juga secara beransur-ansur mengurangkan pergantungan kepada hasil minyak dan gas, daripada 35.8 peratus pada 2011 kepada 33.7 peratus pada 2012. Pada 2013, kami menjangkakan pengurangan kepada 30.6 peratus," katanya.

Idris berkata pelaburan yang diluluskan meningkat tahun ke tahun sejak 2010, melepasi sasaran pelaburan tahunan kerajaan sebanyak RM148 bilion dalam Rancangan Malaysia ke-10.

Pada 2011, pelaburan yang diluluskan sebanyak RM154.6 bilion pada 2012, RM167.8 bilion dan 2013 sebanyak RM216.5 bilion

Beliau berkata pinjaman luar berjumlah RM324 bilion membentuk 32.9 peratus daripada KDNK dengan hanya 46.7 peratus daripada saham hutang luar negeri di Malaysia datang dari pinjaman luar pesisir.

"Daripada jumlah ini, hampir semua dipinjam menerusi institusi yang memaksimumkan hasil dan berpacu keuntungan termasuk sektor swasta dan perusahaan awam dan hanya lima peratus disumbangkan oleh Kerajaan Persekutuan," katanya.

Mengenai pinjaman Kerajaan Persekutuan, Idris berkata hutang luar negeri berjumlah RM158.4 bilion dengan hanya RM16.8 bilion dalam mata wang asing.

"Ini bermakna kita kurang terdedah kepada turun naik dalam ekonomi global," katanya.

Sementara itu, Malaysia meningkat kukuh daripada kedudukan ke-23 pada 2010, ke-18 pada 2012, ke tempat keenam pada 2014 di dunia dan berada dalam kelompok 10 terbaik dunia sejak dua tahun lepas dalam kajian Menjalankan Perniagaan Bank Dunia.

Kedudukan negara ini melonjak tiga takuk berbanding tahun lepas untuk menduduki tempat ke-12 dalam IMD World Competitiveness Yearbook 2014, dan ke-15 berbanding tempat ke-25 pada 2013 dalam Indeks Keyakinan FDI AT Kearney 2014.

Oleh itu, jika ekonomi kita dikatakan dalam masalah, penulis dan Oxford Ekonomi perlu sekurang-kurangnya membentangkan fakta yang lebih tepat," kata Idris.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048635>